

# Taktik pencuri balak

Punggah kayu guna treler panjang sebelum dihantar ke kilang

>>Oleh Mohd Rafi Mamat

am@hmetro.com.my

**K**UANTAN: Taktik terbaru memindahkan kayu balak secara haram menggunakan treler panjang berjaya dipatahkan Unit Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) yang berjaya menahan pemandu kenderaan berat itu di kawasan Hutan Simpan Lepar, dekat Belimbing, di sini, semalam.

Ketika serbuan dilakukan, sindiket terbabit yang didalangi beberapa individu sedang memunggah kayu ke atas lori untuk dihantar ke kilang papan.

Pengarahnya, Datuk Mohd Paiz Kamarulzaman, berkata tiga kayu meranti dan balau sudah berada dalam treler, manakala tiga lagi berada berhampiran kenderaan terbabit.

Menurutnya, treler panjang terbabit dipercayai digunakan untuk memindahkan enam batang kayu balak yang ditebang tanpa lesen di kawasan hutan simpan itu.

Katanya, sindiket terbabit



**BUKTI...**tiga batang kayu balak tanpa lesen cuba dipindahkan menggunakan treler di Kuantan, semalam.

mengambil kesempatan dengan menebang pokok yang ditinggalkan sebagai 'pokok ibu' oleh pelesen sebelum ini.

"Ini kali pertama Unit Penguat kuasa JPNP menahan individu yang cuba memindahkan kayu balak tanpa lesen menggunakan treler

panjang yang digunakan untuk mengangkat jentera berat.

"Usaha sindiket ini untuk memindahkan kayu berkenaan tidak berjaya apabila kegiatan mereka berjaya dihidu penguat kuasa JPNP yang terlebih dahulu memintas pergerakan mereka,"

katanya.

Mohd Paiz berkata, sindiket terbabit mengambil kesempatan menggunakan jalan yang terdapat dalam kawasan Hutan Simpan Lepar yang dibina untuk aktiviti pembalakan.

Selain menggunakan treler panjang, sindiket mencuri

kayu turut menggunakan pelbagai taktik lain dalam usaha mereka mengaburi pihak penguat kuasa yang sentiasa melakukan intipan.

Menurutnya, bagi mengelak dikesan pihak berkuasa selain memudahkan aktiviti memindah, sindiket pembalakan haram kini lebih berminat menghasilkan kayu bergergaji dengan pelbagai saiz.

Beliau berkata, kayu bergergaji lebih mudah dimuatkan dalam lori untuk dihantar ke kilang papan sebelum melalui proses menghasilkan kayu pelbagai saiz.

"Pemeriksaan secara berterusan di kawasan hutan selain melakukan sekatan jalan raya berupaya menyekat berlakunya aktiviti memindahkan kayu tanpa lesen di negeri ini.

"Sehubungan itu juga saya berharap masyarakat supaya dapat memberi kerjasama dengan memberi maklumat sekiranya mengesyaki berlakunya sebarang aktiviti pembalakan haram di kawasan kampung mereka," katanya.

FOTO | Mohd Rafi Mamat